

## BAB 3

### SOSIOLINGUISTIK

#### Pengenalan

Kreol Kristang adalah salah satu daripada variasi kreol Portugis yang menjadi bahasa dominan dan dipertuturkan oleh lebih kurang seribu seratus atau 79% penutur Serani di sekitar Melaka. Variasi ini juga dipertuturkan oleh generasi tua beberapa keluarga migran Serani dan telah tersebar ke kawasan lain Semenanjung Malaysia melalui proses penghijrahan khususnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Singapura. (*Sta Maria B, 1982:138*).

Walaupun penjajahan Portugis di Melaka telah berakhir sejak tahun 1511 tetapi rahsia kejayaan keturunan Portugis berlanjutan dalam memelihara budaya, tradisi dan adat resam Portugis yang unik selama ini adalah kerana ia berupaya untuk diasimilasikan dengan kebudayaan Melayu tempatan tanpa hubungan dengan ibu pertiwi mereka.

Varisi kreol yang dipertuturkan oleh penutur Serani dikenali sebagai Papia Kristang (yakni pertuturan Kristian) atau kreol Kristang. Terdapat pelbagai istilah yang dikaitkan dengan Kristang iaitu ia dikenali sebagai '*Patois’ Portugis*, dialek Portugis *atau “Malacca Creole Portuguese”* sementara di dalam bahasa Melayu ia sering dirujuk sebagai bahasa Serani (Eurasian Language) atau bahasa '*gerago*' (shrimp language). (*Baxter, A 1988:1*) salah seorang penulis Portugis iaitu Rego pula menamakan variasi ini sebagai '*o dialecto Portuges de Malacca*' (*Rego 1941:2*) (dialek Portugis Melaka).

Begitu juga dengan komuniti Kristang yang diberi pelbagai rujukan mengikut bahasa misalnya mereka dikenali sebagai “Portuguese Eurasian” (bahasa Inggeris), masyarakat Serani dan Nasrani (yakni ‘Nazrene’ orang yang berasal dari Nazareth) (data responden) dan sebagai *descendentes dos antigos Portugueses* dalam bahasa Portugis (*Rego 1941:4*). Tetapi sejak November 1981, komuniti Kristang telah mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia dan dikenali sebagai “Malaysians of Portuguese descent” atau masyarakat Malaysia keturunan Portugis seperti yang dikatakan oleh YAB Datuk Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, semasa lawatan beliau ke perkampungan Portugis di Melaka. (*Sta Maria B, 1982:225*) Walaupun terdapat pelbagai istilah yang dikaitkan dengan komuniti dan variasi kreol ini tetapi berdasarkan pemerhatian dan kajian penyelidik, penyelidik tetap menggunakan istilah Kristang atau *Cristao* seperti yang dipraktikkan oleh penutur natif Serani untuk bahasa pertuturan mereka sementara komuniti Kristang atau Serani bagi merujuk masyarakat keturunan Portugis di Melaka demi memelihara keaslian kebudayaan mereka.

Bab ini juga akan menyentuh antara lain tentang perbincangan etnolinguistik, asal-usul komuniti Kristang, kebudayaan dan bahasa Kristang, variasi kreol lain, masa depan Kristang dan keadaan linguistik di Malaysia. Maklumat tentang aspek, sosiolinguistik dan sosio-sejarah yang terperinci kurang diberi perhatian kerana melampaui skop kajian penyelidik.

### 3.1 Kelainan etnolinguistik di Melaka

Melaka yang terletak di kawasan barat daya Semenanjung Malaysia walaupun kecil dari segi saiz dan keluasannya berbanding dengan negeri-negeri lain di

Malaysia, ia mempunyai keunikan yang istimewa dari segi sejarah dan kumpulan etnik. Ini dapat dibuktikan sejak zaman kesultanan Melayu pada abad ke 13 dan 14 di mana Melaka diiktiraf sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal di perairan Selat Melaka yang berada antara kawasan timur dan barat. Akibat dari kedudukannya yang strategik serta statusnya sebagai pusat perdagangan, ia menjadi tempat penemuan perniagaan yang popular di kalangan pedagang-pedagang Arab, Cina, Gujerat, India, Parsi dan Eropah sehingga lahirlah kumpulan etnik yang pelbagai melalui perkahwinan kacukan dan keturunan mereka masih lagi kekal bermastautin, menjadi anak watan Melaka kini (**Chia, F 1980:9**). Tiga zaman penjajahan barat yang dilalui oleh Melaka ialah zaman penjajahan Portugis hampir 130 tahun dari (1511-1641), zaman penjajahan Belanda yang merangkumi 160 tahun dari (1641 - 1795) dan zaman penjajahan Inggeris hampir 150 tahun dari (1775 - 1818; 1823 - 1957).

Perkahwinan kacukan, kolonialisme dan migrasi merupakan faktor penggalak yang menyebabkan kewujudan kumpulan etnik seperti Baba-Melayu, Chitty-Melaka, Serani, Gujerati, Pakistani, Bengali, Punjabi, Ceylonese, Tamil, Melayu-Arab di samping tiga kumpulan etnik utama iaitu Melayu (14.8%), Cina (75.4%) dan India (7.1%) (**Baxter, A 1988:2**). Perangkaan ini mungkin berubah disebabkan oleh faktor migrasi sejak kebelakangan ini. Kaum Cina yang merangkumi kumpulan Hokkien (kaum majoriti), Hakka, Kantonis, Hainanese dan Teochew merupakan masyarakat dominan di negeri Melaka (**Chia, F 1980:3**). Mereka menduduki kawasan bandar Melaka dan kebanyakannya terdiri daripada ahli peniaga runcit, penjual sayur, ahli korporat, kerani dan lain-lain.

Sementara kaum India pula terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kawasan selatan terdiri daripada orang Tamil, Telegu dan Malayam yang bekerja sebagai peniaga runcit, penoreh getah, buruh kasar dan lain-lain. Kumpulan dari utara India terdiri daripada kaum Punjabi (pekerja bank, peniaga susu), Gujerati, Sindhi (saudagar kain dan permaidani) dan Bengali Babu (peniaga susu). (***Sumber : pemerhatian kendiri***)

Kaum Melayu pula terdiri daripada penduduk asli dan kumpulan kacukan Melayu-Arab, Melayu-India (mamak), Melayu-Pakistani (Punjabi-Muslim), keturunan Jawa dan Sumatera. Kumpulan “lain-lain” merangkumi masyarakat minoriti (Kristang) seperti penutur Serani Portugis, Belanda dan Inggeris.

Dengan adanya pelbagai kumpulan etnik di Melaka maka dari segi kelainan linguistik jelaslah terdapat banyak bahasa ibunda dan dialek yang dipertuturkan misalnya bahasa Mandarin, dialek Hokkien, Hakka, Tochew, bahasa Punjabi, bahasa Tamil, bahasa Gujerati, bahasa Bengali, bahasa Telegu, bahasa Malayam, Kristang dan lain-lain di samping bahasa utama iaitu bahasa Melayu, dialek Hokkien (penutur majoriti) dan bahasa Tamil. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah lingua franca utama negeri Melaka (***Chia, F 1980:40***). Bahasa Melayu yang dipertuturkan adalah variasi pidgin yang dikenali “Bazaar Melayu” atau Melayu pasar yang disisip dengan unsur dialek Hokkien tanpa mengira aspek etnolinguistik penutur. Kumpulan etnik dari kaum Baba-Melayu dan Chitty-Melaka menggunakan bahasa Melayu pasar ( Bazaar Melayu) walaupun ada di antara mereka yang bertutur dalam dialek Hokkien dan bahasa Tamil atau bahasa

Inggeris sebagai bahasa pertuturan domestik.

Bahasa Inggeris pula luas dipertuturkan akibat pengaruh zaman Inggeris oleh penutur di Melaka tanpa mengira kaum. Variasi yang digunakan adalah dari bahasa Inggeris baku ke variasi “Malaysian English” (data responden). Di kalangan penutur Serani (Eurasian) keturunan Belanda dan Inggeris, bahasa Inggeris menjadi bahasa pertama dan bahasa pertuturan di rumah kerana kepentingan sosio-ekonominya sejak zaman kolonial Inggeris dengan penubuhan sekolah “Free School” iaitu Melaka Free School pada masa itu.

Jelaslah di sini disebabkan oleh kewujudan pelbagai kumpulan etnik dengan latar belakang linguistik yang berlainan di Melaka maka lahirlah pelbagai bahasa dan dialek di kalangan penuturnya.

### **3.2 Latar belakang dan asal-usul komuniti Kristang**

Walaupun komuniti Kristang atau kaum Serani merupakan kumpulan minoriti tetapi mereka dapat dikenalpasti melalui fahaman agama mereka iaitu Roman Katolik dan mempunyai cara hidup yang unik dengan budaya, adat resam dan tradisi tersendiri. Komuniti ini telah memelihara dan mengekalkan kebudayaan mereka sejak tahun 1511, dengan kedatangan Alfonso d’ Albuquerque yang kemudiannya telah menggalakkan perkahwinan campur di antara orang Portugis dan wanita natif (tempatan), atau kumpulan hamba-abdi keturunan India, Jawa, Bali, Makasar dan penduduk tempatan yang menganut agama Kristian (*Chia, F 1980:2*). Menurut pendapat sarjana barat Jack Hinton di dalam buku “*A Grammar of Kristang*” karya Alan Baxter iaitu “perkahwinan orang Portugis di

Melaka kemungkinan besar adalah dengan wanita India berbanding dengan wanita Melayu-Islam kerana fahaman agama yang berbeza (Islam dan Kristian)".

Tetapi hal ini tidak dapat dibuktikan

*Menurutnya "...the Eurasian community itself when it developed was probably Luso -Indian rather than Luso-Malay, for although marriages and unions with some Malay girls and non-Muslim girls from the further east of the Archipelago did occur Muslim political and religious antagonism must have limited the opportunities for the marriages and the bulk of marriages must have been with girls from Goa and the Indian fort, Portuguese-Hindu, low-caste Hindus or slave as of various origins with occasional orphan girls from Portugal and some Chinese..." (Baxter, A 1988:15)*

Akibat daripada perkahwinan campur ini lahirlah keturunan Portugis di Melaka yang dikenali sebagai komuniti Kristang yang berkongsi kepercayaan dan fahaman agama yang sama. Kewujudan keturunan Portugis ini hanya dapat dikenal pasti di Melaka akibat penjajahan Portugis yang ingin melahirkan satu rasa kacukan yang dapat menyediakan sumber tenaga manusia untuk pengkalan pertahanannya. Selepas perang kumpulan minoriti natif ini berupaya mengelakkan agama, budaya dan bangsa mereka selama lebih kurang 500 tahun sejak peninggalan Portugis walaupun mereka berada dalam persekitaran pelbagai budaya terutamanya kebudayaan Melayu yang dominan pada masa itu. Akibat daripada asimilasi dua budaya yang berlainan ini, lahirlah satu budaya iaitu budaya Kristang yang diwarisi oleh komuniti Portugis di Melaka. Kolonial Belanda dan British kemudiannya berkahwin dengan keturunan Portugis ini dan dikenali sebagai kaum "Eurasian" atau "off-spring of Euro Asian marriages".

**(Sta Maria B, 1982:165)**

Pada mulanya komuniti Kristang (Serani) ini menduduki kawasan hilir sepanjang pantai Melaka yang dikenali sebagai Yler (kawasan Banda Hilir) **(Rujuk**

*Lampiran II, MS:139*), terdiri daripada kaum nelayan yang miskin yang bergantung kepada perikanan sebagai sumber rezeki mereka. Penempatan mereka tersebar ke kawasan lain iaitu Trengkera, (Upe), Bunga Raya (Sabba) dan Praya Lane di Melaka (*Sta Maria B, 1982:209*). Sejak pertengahan tahun 70an, disebabkan oleh kemajuan perkembangan industri di Melaka, kebanyakan daripada komuniti Kristang ini berubah pekerjaan daripada nelayan sepenuh masa (19%), menjadi buruh Municipal, tukang masak, pekebun, pekerja kilang, attendan, kerani dan lain-lain untuk mengukuhkan status sosio ekonomi mereka (*Sta Maria B, 1982:136*). Perikanan dijalankan secara sambilan sahaja. Ada di antara mereka berhijrah keluar dari Melaka untuk mencari rezeki di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Singapura dan lain-lain kawasan di Malaysia. Kini enam puluh peratus daripada komuniti Kristang bermastautin di perkampungan Portugis yang ditubuhkan pada tahun 1933 di bawah pentadbiran British iaitu penempatan dominan penutur Kristang. Sementara hampir empat puluh peratus pula menduduki kawasan Praya Lane (*Sta Maria B, 1982:137*)

Nyatakan perkampungan Portugis menjadi fokus kajian penyelidik kerana di sinilah bukti budaya, agama, bahasa dan tradisi Kristang dapat dikenalpasti.

### 3.2.1 Agama

Salah satu daripada ciri-ciri kebudayaan peninggalan kolonial Portugis untuk mengenalpasti komuniti Kristang ialah melalui fahaman agama mereka iaitu Roman Katolik (kepercayaan yang dianuti sejak zaman moyang mereka). Gereja menjadi faktor kesatuan di kalangan masyarakat Kristang. Hampir kesemua

komuniti Kristang di perkampungan Portugis menganut agama Kristian bermazhab Roman Katolik. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan tempat berhala “Shrine of Our Lady” di setiap rumah penghuni Kristang. Juga kedatangan rahib-rahib Portugis dikenali sebagai ‘Irmangs de Igreja’ untuk menguruskan misi penyebaran agama Kristian di Melaka pada zaman Portugis merupakan satu-satunya faktor penghubung Melaka dengan negara Portugal. Rahib Fr. Manuel Pintado merupakan rahib Portugis yang terakhir di Melaka telah menyampaikan ceramah agama dan berkhutbah di gereja dalam bahasa Portugis dan Kristang (*Sta Maria B, 1982:207*). Menurut beliau misi Portugis di gereja St. Peter di Melaka sepatutnya diuruskan oleh keturunan Portugis demi menjamin dan mengekalkan identiti keportugisan. Tetapi kini akibat perkahwinan campur hal-hal keagamaan di gereja diuruskan oleh rahib-rahib dari pelbagai kaum sehingga ceramah agama dan khutbah disampaikan dalam bahasa Inggeris, dialek Hokkien dan bahasa Tamil bagi penganut agama Kristian keturunan Cina dan India (*Sta Maria B, 1982:208*). Kini hampir kesemua rahib gereja-gereja Katolik di Melaka berkhutbah dalam bahasa Inggeris.

Satu lagi ciri signifikan tradisi Portugis ialah misi Portugis iaitu ‘Irmangs de Igreja’ atau bermaksud ‘brotherhood of the Church’ dan ‘Tres Marias’ masih lagi wujud sehingga kini yang terlibat dalam pengurusan perayaan-perayaan keagamaan seperti Good Friday (Datok Mati), Easter (Paska), Lent dan Palm Sunday (Datok Pikul Salib). Tradisi ini diwarisi turun temurun dan kini dimiliki oleh keluarga En. Derrik yang bermastautin di Praya Lane, Melaka. (*Sta Maria B, 1982:207*)

Setiap tahun beribu-ribu penganut Katolik dari Malaysia dan Singapura mengunjungi gereja St. Peter di Melaka (bulan Februari) untuk upacara kesyukuran (thanksgiving prayers) dan warisan keagamaan ini diraikan sehingga sekarang. Perayaan ‘Good Friday’ atau ‘Senyor Morto’ (bahasa Kristang) merupakan upacara unik yang diraikan oleh komuniti Portugis keturunan Katolik di Melaka sama seperti yang diraikan oleh moyang mereka sejak penjajahan Portugis lagi yang dikenali sebagai ‘Augustinian Fathers’. Pada masa perarakan agama, lagu dalam bahasa Latin dinyanyikan sama seperti yang dinyanyikan di kawasan Freixo de Espada, Cinta di Portugal. Begitu juga penganut Katolik dari kawasan Larantuka, Flores, Indonesia dikatakan meraikan upacara ‘Good Friday’ dengan cara yang sama kerana kemungkinan besar mereka adalah dari keturunan komuniti Kristang yang telah melarikan diri dari Melaka semasa penjajahan Belanda pada tahun 1641 (*Sta Maria B, 1982:206 & 207*)

Jelaslah di sini agama boleh dianggap sebagai faktor penggalak dalam pengekalan linguistik. Kesignifikan ini dapat dibuktikan daripada fahaman agama komuniti Kristang serta peranan yang dimainkan oleh ‘Irmang de Igreja’ sebagai elemen untuk meneruskan kebudayaan yang unik ini. Hubungan persaudaraan di kalangan ‘Irmang de Igreja’ ini serta tradisi menjadi domain utama komuniti Kristang yang berkaitan dengan tradisi keagamaan sejak dari zaman awal lagi walaupun pada masa penjajahan Belanda yang menganuti fahaman agama berbeza iaitu mazhab ‘Protestant’. Kesetiaan dan kepercayaan komuniti Kristang ini terhadap agama mereka (Roman Katolik) jelas ternyata daripada pertuturan

mereka, iaitu bila ditanya apa yang diingini dari negara Portugal dan jawapan yang diberi ialah paderi/rahib keturunan Portugis (*Sta Maria B, 1982:206*)

### 3.2.2 *Tarian dan lagu Kristang*

Muzik dan tarian Portugis merupakan bentuk expressi yang memaparkan komuniti Kristang sebagai komuniti yang mencintai seni (community of musicians). Ini jelas dapat dilihat dipelbagai pesta mereka sama ada berunsur keagamaan atau sosial. Komuniti Kristang ini telah mewarisi kebudayaan Portugis yang merupakan gabungan budaya seni penduduk natif dengan budaya “exotik” dari negara Portugal.

Salah satu daripada tarian Portugis yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan tempatan dan Portugal ialah tarian *branyo* yang berusia hampir empat abad. Tarian tradisi Portugis ini ditarikan di upacara perkahwinan, pertunangan, harijadi dan Tahun Baru. Tarian ini selaras dengan tarian Joget atau Ronggeng Melayu. Versi *branyo* ini dinyanyikan seumpama ‘berbalas pantun’ yang dikenali sebagai *Mata Kantiga* yang bermaksud ‘to kill the song’ jelas membuktikan budaya Portugis telah diasimilasikan untuk memperkayakan kebudayaan Melayu tempatan.

Tetapi kini kebanyakan daripada versi *branyo* semakin pupus seperti *Branyo Sinta* dan *Branyo Rudia* kerana ia hanya dapat dinyanyikan oleh generasi tua yang bilangannya semakin berkurangan. Penciptaan *Mata Kantiga* yang merupakan seni semulajadi kurang diwarisi dan tidak popular di kalangan generasi muda. Ini dapat dibuktikan daripada artikel Rebeca Sta Maria (1980). Terdapat juga tarian

klasik Portugis lain seperti *sarampeh*, *che-corte*, *kanji-papa*, *riba de barku* dan *ferraperra* yang telah pupus kini kerana rentak tarian lirik lagu telah dilupai oleh generasi tua Portugis.

Di samping itu, antara tarian moden Portugis yang telah pendam dipulih - semula sejak tahun 1950 ialah tarian *Bate Payu*, *Anda Rhoda*, *O Vera* dan *Ohmalau*. Terdapat dua kumpulan penari Portugis yang dikenali sebagai *Tropa de Malaca* dan *Grupo Foclorico de San Pedro* yang sering kali membuat persembahan pentas di hotel-hotel terkemuka di majlis sosial di Melaka. Tarian ini diiringi oleh lagu-lagu dan kostum (pakaian) penari adalah dari pelbagai daerah Portugal dan ini menjadi lambang kemegahan negeri Melaka yang mempunyai ciri-ciri pengaruh Eropah yang diasimilasikan dalam kebudayaannya yang unik.

Selain dari itu, lagu-lagu Kristang yang popular dinyanyikan sehingga hari ini untuk tujuan hiburan dan untuk mengenang memori manis zaman silam ialah seperti ‘Jingli Nona, O Bela, Nina Boboi, Ala banda isti banda’ dan lain-lain.

**(Rujuk Lampiran II, MS 141)**

### 3.2.3 Adat resam dan budaya komuniti Kristang

Perkampungan Portugis yang menjadi tempat penginapan utama komuniti Kristang (hampir 60%) terletak di hilir kawasan Ujong Pasir berdekatan dengan laut. Perikanan menjadi domain utama masyarakat Kristang sejak 500 tahun dan merupakan sumber pendapatan utama serta dikaitkan dengan cara hidup mereka iaitu memancing ikan atau ‘gerago’ dengan menggunakan *langgiang* sejenis pukat tradisi Kristang. Walaupun masyarakat nelayan ini kebanyakannya miskin tetapi

mereka bangga dengan kebudayaan mereka dan tetap memelihara norma dan nilai tradisi klasik yang berunsur Portugis. Mereka menjalani kehidupan yang mudah dengan bentuk dan struktur rumah papan ala Sepanyol. Ramai di antara mereka terdiri daripada pekerja kurang mahir dengan latar belakang pendidikan yang rendah iaitu menjalankan industri domestik seperti membuat ‘belacan’ dan *pasia* (dried fish) (*Sta Maria B, 1982:221*). Kaum wanita Kristang pula kebanyakannya berkahwin pada usia yang muda, menjadi suri-rumah serta membantu suami mereka mengurus industri domestik (pemerhatian kendiri). Kehidupan yang mudah ini seterusnya diperkayakan dengan aktiviti hiburan (dansa dan muzik) yang menjadi sebahagian daripada cara hidup mereka. Mereka mengisi masa lapang mereka dengan nyanyian dan tarian klasik Portugis seperti *Branyo*, *Jingli Nona* dan seringkali komuniti perkampungan Portugis dikenali sebagai ‘community of musicians’ dengan bakat kebudayaan yang unik (*Sta Maria B, 1982:201*). Hal ini dapat dibuktikan daripada dua perayaan tradisi unik yang diraikan pada bulan Jun iaitu *Festa San Juang* dan *Festa San Pedro*. *Festa San Juang* atau Pesta Lampu diraikan pada 23hb Jun dan mengikut legenda Portugis ia dikaitkan dengan *St John the Baptist* yang menjadi tukang risik (matchmaker) bagi wanita Portugis. Setiap rumah di perkampungan Portugis dan kawasan Praya Lane dihiasi dengan nyalaan lilin semasa pesta ini. Walaupun pesta ini telah diraikan sejak 500 tahun dahulu tetapi sejak abad lepas ia hanya diraikan secara kecil-kecilan dan semakin pupus (Sumber : Jawantankuasa Perkampungan Portugis).

Pesta yang melambangkan kebudayaan Kristang yang unik dan menjadi daya penarik pelancong serta diraikan dengan meriah ialah *Festa San Pedro* (Patron of Fisherman) pada 29hb Jun setiap tahun yang dianjur oleh panel Regedor (ketua komuniti Kristang). Beribu-ribu pelancong akan mengunjungi perkampungan Portugis pada masa ini untuk menyaksikannya. Pesta berwarna-warni ini diraikan selama tiga hari dan merangkumi pertandingan menghiasi bot, pertunjukan pentas, tarian dan dansa Portugis, ratu kebaya dan pesta hidangan Portugis seperti *Curry Devil*, *garing-garing* dan lain-lain (**Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan III, MS 129 & 130**). Menurut legenda pesta ini diraikan untuk meminta restu Tuhan melindungi rezeki kaum nelayan. Semasa upacara sembahyang padri Portugis akan merestui bot dan pukat nelayan.

Selain dari itu komuniti Kristang di Melaka juga meraikan satu lagi pesta unik pada 18hb Februari setiap tahun iaitu *Intrudu* yang bermaksud *introduksi* (coming before). Pesta yang meriah ini diraikan dengan menyimbah air dan membasahi sesiapa saja (sama ada rakan atau jiran tetangga) yang menyahut seruan si pemanggil dan diakhiri dengan tarian *branyo sinta*. Ia kemudiannya diikuti dengan Lent yakni *Kuarta de Assunta* iaitu upacara sembahyang dan berpuasa. *Festa de Assunta* merupakan satu lagi pesta agama yang diraikan oleh komuniti Kristang dari kawasan Banda Hilir, Ujong Pasir dan Praya Lane yang mengadakan perarakkan agama selepas sembahyang *High Mass* di gereja Asumption, Praya Lane di Melaka.

Hari ‘Natal’ atau Krismas juga diraikan oleh komuniti Kristang dengan meriah dan ucapan *Bong Natal* (Good Christmas) disampaikan oleh generasi muda kepada generasi tua. Mengikut warga tua komuniti Kristang (kaum wanita) pada masa dulu perayaan ‘Hari Natal’ diiringi dengan nyanyian *Nina Boboi*, ‘Carols’ dan lagu Portugis klasik iaitu *Pasturinho* untuk memeriahkan lagi suasana Krismas tetapi kini tradisi ini semakin pupus disebabkan pengaruh barat (**Rujuk Lampiran II, MS 141**). Namun demikian perayaan Natal ini menjadi faktor penghubung di antara komuniti Kristang di luar Melaka yang mengambil kesempatan untuk meraikannya dengan ahli keluarga dan sanak saudara di Melaka untuk mewujudkan hubungan silaturahim atau ‘*saudade*’.

Kalau dilihat dari segi pakaian dan makanan tradisi kaum Kristang ia kebanyakannya boleh dikaitkan dengan kebudayaan Melayu tempatan iaitu kaum wanita dengan pakaian kebaya sarong sehingga pakaian pengantin perempuan (40 - 50 tahun dahulu) terdiri daripada kebaya putih dan *saya* (sarong) tetapi kini disebabkan oleh unsur pemodenan dan pengaruh barat ia diganti dengan gaun putih.

Sementara itu makanan mereka seperti ‘chincalok’, ‘belacan’, ‘nasi’, ‘curry devil’, ‘feng-muleh’ dan ‘cromah’ terdiri daripada cili dan rempah-ratus (hot and spicy). Jenis makanan dan cara berpakaian mereka jelaslah melambangkan keunikan budaya Kristang yang telah bercampuraduk dengan unsur-unsur kebudayaan Melayu dan perkahwinan kacukan.

### 3.2.4 Bahasa Kristang

Kristang atau kreol Portugis yang dipertuturkan oleh masyarakat Kristang keturunan Portugis merupakan satu-satunya ciri yang melambangkan identiti komuniti ini. Ia merupakan bahasa ibunda dan bahasa pertuturan domestik yang terdiri daripada perkataan Portugis yang disesuaikan dengan nahu Bahasa Melayu. Kristang atau dikenali sebagai *cristao* dalam bahasa Portugis bukan merupakan bahasa tulisan tetapi adalah bahasa pertuturan lisan. Walaupun ia bukan merupakan bahasa tulisan, Kristang masih wujud sebagai bahasa ibunda dan dipertuturkan oleh sekelompok komuniti Serani di Melaka khususnya di perkampungan Portugis (hampir 60% penutur Kristang) (Sumber : Jawantankuasa Perkampungan Portugis). Banyak usaha pengumpulan data akademik untuk memelihara bahasa Kristang telah dijalankan oleh sarjana barat sejak kebelakangan ini. Antaranya ialah kajian antropologi yang dijalankan oleh Brian O Neil (1994) di perkampungan Portugis mengatakan bahasa Kristang masih wujud dan dipertuturkan di kalangan generasi muda walaupun kini banyak daripada perkataannya dialihkod dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Menurut **Alan Baxter (1988)** dalam tesis kedoktorannya, iaitu “A Grammar of Kristang”, konsep sistem berkeluarga (extended family) iaitu ahli keluarga dari tiga generasi yang tinggal bersama boleh menjadi faktor utama dalam memelihara dan menghidupkan semula kreol Kristang.

Bahan bertulis Kristang lain yang telah dihasilkan oleh anak watan Kristang ialah *Buletin Berita-* hasil cipta Michael Singho dari Panel Regedor tetapi *Nobas* ditulis dalam bahasa Inggeris. Usaha pengumpulan perkataan Kristang oleh Patrick de

Silva dan George Bosco Lazaroos merupakan satu senarai kata yang lengkap tetapi belum diterbitkan. Penghasilan buku bertajuk *Ungua Adanza* (1995) oleh Joan Marbeck pula memaparkan kebudayaan masyarakat Kristang.

Di samping itu teks dan bahan bertulis di gereja-gereja Katolik pada abad ke-19 menggunakan bahasa Portugis dan Kristang. Menurut paderi Portugis, Fr. Manuel Teixeira (1961), khutbah gereja disampaikan dalam bahasa Portugis dan Kristang misalnya di Hilar Chapel dan gereja St. Peter di Melaka. Bahasa Kristang yang digunakan pada masa itu banyak dipengaruhi oleh bahasa Portugis. Ini dapat dibuktikan daripada teks *Via Sacra* (Kristang) yang digunakan oleh mualigh Kristian banyak mengandungi perbendaharaan kata Portugis (*Rego 1941: 69-88*)

Menurut metos bahasa Kristang dikatakan adalah variasi bazaar bahasa Portugis Metropolitan yang tidak mempunyai struktur nahu standard. Ini mungkin disebabkan bahasa Portugis diajar di sekolah-sekolah Convent di Melaka (pengalaman saya sebagai bekas pelajar Sekolah Convent). Pendedahan penutur Kristang kepada bahasa Portugis ini adalah disebabkan didikan yang diterima daripada sekolah-sekolah Convent, French Convent dan Anglo-Chinese High School yang dikenali sebagai *Escola de Meninos* walaupun merupakan sekolah aliran Inggeris (bahasa Portugis diajar sebagai bahasa sampingan). Sementara itu rahib (nuns) daripada Convent Portugis yang berasal dari Macau dan Portugal serta paderi Portugis mengadakan kelas bahasa Portugis bagi penutur Kristang dari golongan muda (komunikasi verbal penyelidik dengan wargatua Kristang).

Tetapi kini disebabkan sistem pendidikan berunsur keMalaysiaan serta sekolah Convent diurus oleh rahib Katolik tempatan dan peninggalan paderi Portugis kembali ke Portugal maka bahasa Portugis semakin pupus. Hanya segelintir saja penutur Kristang (wargatua yang mendapat didikan misi Portugis) yang dapat bertutur dalam bahasa Portugis. Ini dapat dibuktikan daripada kajian penyelidik, hanya seorang sahaja responden Kristang iaitu En Aloysius Sta Maria yang boleh bertutur dalam bahasa Portugis berbanding dengan responden lain. Jelas menunjukkan penggunaan bahasa ini semakin berkurangan.

Dapat disimpulkan kreol Kristang masih lagi menjadi bahasa pertuturan domestik di kalangan komuniti Kristang minoriti di Melaka dan adalah dominan di perkampungan Portugis terutamanya di kalangan penutur generasi tua Kristang yang cuba menghidupkan penggunaannya melalui nyanyian lagu-lagu tradisional Kristang, ‘rainya’, peribahasa dan lain-lain. Variasi kreol yang unik ini jika tidak dikekalkan penggunaannya semakin menuju kearah pemupusan kerana pertuturan domestik di kalangan penutur muda Kristang kini adalah dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu (pengaruh sistem pendidikan Malaysia). (*Sta Maria B, 1982:112*)

### **3.3 Kewujudan variasi kreol lain di Melaka**

Selaras dengan kajian kreol Kristang ini berikut akan dibincangkan sedikit matlumat tentang variasi kreol lain yang kekal digunakan di Melaka sehingga kini iaitu variasi kreol Baba-Melayu dan variasi Chitty-Melaka yang menjadi bahasa ibunda di kalangan masyarakat peranakan Baba-Nyonya dan Chitty-Melaka.

Kedua-dua variasi kreol ini jika dibanding dengan variasi Kristang banyak mengandungi ciri-ciri kebudayaan Melayu tempatan. Kebanyakan daripada leksikon terdiri daripada perkataan Melayu sehingga variasi kreol ini dikenali sebagai variasi Melayu pasar (Bazaar Melayu) kerana kedua-duanya merupakan pertuturan bahasa Melayu (**Chia, F 1980:40**). Latarbelakang kewujudan variasi kreol ini dan penyebarannya untuk tujuan komunikasi dapat ditinjau daripada beberapa faktor. Antaranya kalau dilihat dari segi sejarah kemunculan etnik Baba-Melayu dan Chitty-Melaka berlaku sejak zaman kegemilangan Melayu Melaka sebagai pusat perdagangan yang utama di perairan Timur. Ini dapat dibuktikan daripada perkahwinan campur yang berlaku di kalangan wanita tempatan Melayu dengan saudagar-saudagar dari India yang berdagang di Melaka pada masa itu (**Jasman Ahmad 1997:3**). Penjajahan British yang telah menggalakkan kemasukan tenaga buruh imigran-imigran dari India juga menjadi pendorong kepada perkara ini. Akibatnya lahirlah satu komuniti peranakan Hindu-Melaka keturunan India yang dikenali sebagai kaum Chitty-Melaka.

Selain dari itu, peristiwa bersejarah untuk membuktikan kewujudan etnik peranakan Baba-Nyonya ialah episod perkahwinan di antara Raja Melaka (Sultan Mansur Shah) dan puteri Cina (Hang Li Po) dalam buku **Sejarah Melayu (1975: 96)**. Pengikut-pengikut puteri Hang Li Po akhirnya kekal bermastautin di Melaka dan daripada perkahwinan campur ini lahirlah satu kumpulan etnik yang dikenali sebagai kaum peranakan Baba-Nyonya dari keturunan Cina. Demikianlah kemunculan kaum peranakan di Melaka.

### 3.3.1 Variasi kreol Baba-Melayu

Masyarakat peranakan Baba-Melayu yang merupakan kaum minoriti di Melaka menjadi penutur utama variasi kreol Baba-Melayu (Bahasa Melayu Pasar). Walaupun daripada keturunan Cina Hokkien, masyarakat ini memperlihatkan ciri-ciri budaya (termasuk bahasa, pakaian dan makanan) serta adat resam yang mirip kepada kebudayaan Melayu Melaka sementara agama mereka tetap agama Buddha atau Kristian. Kumpulan etnik ini suka hidup berkelompok dan perkampungan utama masyarakat peranakan ini ialah kawasan Bukit Gedong, kawasan Hereen Street, kawasan Tanjung, tetapi kini akibat pemodenan bilangan mereka tersebar luas di kawasan-kawasan perusahaan moden di Melaka. Penyebaran variasi kreol Baba-Melayu yang menjadi bahasa pertuturan domestik masyarakat peranakan ini adalah lebih ketara kalau dibandingkan dengan variasi kreol Chitty-Melaka dan Kristang Portugis. Ia bukan sahaja menjadi bahasa pertuturan etnik Baba-Nyonya tetapi juga tersebar di kalangan etnik Melayu dan India yang lahir dan hidup dalam persekitaran yang sama dengan etnik Baba-Nyonya sehingga pertuturan harian mereka dipengaruhi oleh variasi kreol tersebut melalui faktor pergaulan. Kebanyakan daripada perkataan-perkataan dialek Hokkien diterap dan disesuaikan dengan nilai bunyi bahasa Melayu sehingga wujud variasi kreol yang berbeza daripada dialek Hokkien yang dipertuturkan oleh masyarakat Hokkien. Misalnya perkataan pinjaman daripada dialek Hokkien yang diasimilasikan ke dalam variasi kreol Baba-Melayu ialah *loteng* (tangga),

*chiwan* (tandas), *bimpo* (saputangan) dan lain-lain. Juga gaya pertuturan masyarakat peranakan terbawa-bawa dengan unsur tekanan kepada bunyi ‘eh’ iaitu ‘ar’ > ‘eh’ yang berbeza dari segi sebutan (*Chia, F 1980:64*).

**Rajah 4      Kreol Baba-Nyonya - Bahasa Melayu**

Baba-Melayu (eh)	B.M. (ar)
kuleh	keluar
baseh	besar
paseh	pasar

Berdasarkan kepada kajian dan pemerhatian yang dibuat, nyatakan penyebaran kreol Baba-Melayu adalah lebih luas sebagai perantara pertuturan di kalangan penutur peranakan yang bilangannya lebih ramai dan variasi kreol ini tersebar ke kawasan lain misalnya Singapura, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur akibat faktor migrasi (*Chia, F 1980:4*). Begitu juga pertuturan masyarakat peranakan ini bukan sahaja berlaku dalam situasi informal tetapi juga dalam situasi formal misalnya di media elektronik televisyen terdapat program drama *Baba-Nyonya* ditayangkan disamping kajian tesis dan disertasi tentang variasi kreol ini yang dibuat oleh pelajar-pelajar universiti seperti kajian yang di jalankan oleh **Lim (1981)** dari Monash University.

### 3.3.2 Variasi kreol Chitty-Melaka

Masyarakat Chitty-Melaka merupakan satu komuniti kecil peranakan Melaka daripada keturunan India dan kebanyakannya menetap di Kampung Gajah Berang, Melaka. Seperti kaum peranakan Baba-Nyonya, masyarakat ini juga memperlihatkan ciri-ciri budaya (termasuk bahasa, pakaian, makanan) yang mempunyai persamaan dengan kebudayaan Melayu Melaka sehingga pertuturan domestik mereka dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan lahirlah variasi kreol Chitty-Melaka. Walaupun mereka adalah penganut agama Hindu tetapi pertuturan mereka adalah mirip kepada variasi bahasa Melayu pasar dan kurang bertutur dalam bahasa Tamil (hanya popular di kalangan generasi tua) (*Jasman Ahmad 1997:2*). Akibatnya proses pemodenan, variasi kreol Chitty-Melaka mula pupus kerana ia kurang mempunyai kepentingan ekonomi dan intelektual domain. Di kalangan penutur Chitty yang mendapat pendidikan formal pula, pertuturan domestik mereka adalah lebih ketara dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Tamil.

Masyarakat Chitty-Melaka mengamalkan adat istiadat dan perayaan berunsur Hindu seperti Thaipusam dan Deepavali, tetapi variasi pertuturan mereka digembarkan-gemburkan dengan leksikon bahasa Melayu melalui unsur penyerapan. Perkataan pinjaman bahasa Tamil yang diserap dalam variasi kreol ini ialah *achi, putu, sami, katil, peti* dan lain-lain.

Memandangkan variasi kreol ini hanya dipertuturkan oleh generasi tua (50 - 60 tahun ke atas) masyarakat Chitty, maka untuk mengekalkan dan meneruskan

hayatnya usaha-usaha pendokumentasian perlu dibuat. Usaha pengumpulan data dan penyelidikan yang telah dibuat oleh Ravichandran tahun (1996) harus diberi puji dan perhatian serius kerana ia boleh digunakan sebagai sumber rujukan penting di peringkat universiti.

Daripada bukti-bukti di atas nyatakan kedua-dua variasi kreol Baba-Melayu dan Chitty-Melaka akan terus hidup jika penggunaan variasi ini sebagai bahasa perantara komunikasi berlanjutan kerana ada pihak yang sudah menyedari kepentingan variasi ini walaupun ia dikategorikan sebagai variasi bahasa rendah di Malaysia.

### **3.4 Kristang dalam konteks sosio-ekonomi**

Memandangkan variasi kreol Kristang adalah bahasa pertuturan domestik kaum minoriti Serani maka penggunaannya kini hanya ketara di kalangan penutur Kristang (generasi tua) di perkampungan Portugis, Melaka kerana komuniti ini masih hidup berkelompok dan bertutur sesama sendiri menggunakan variasi Kristang (hampir 60% penutur Kristang). Daripada pemerhatian dan komunikasi lisan dengan informan-informan didapati penggunaan variasi Kristang sebagai perantara komunikasi di kalangan penutur muda mulai berkurangan (mereka hanya menggunakan variasi ini apabila bertutur dengan ahli keluarga dan sanak saudara yang lebih tua). Mereka lebih selesa dengan pertuturan bahasa Inggeris yang mempunyai kepentingan ekonomi dan domain intelektual yang lebih ‘superior’ berbanding dengan variasi Kristang yang dianggap ‘inferior’ dan dilabel sebagai bahasa kaum geragu (Shrimp People’s Language).

Oleh kerana perikanan menjadi domain utama komuniti Kristang maka variasi kreol Kristang menjadi bahasa pertuturan dominan bukan sahaja di kalangan kaum nelayan (50 tahun lalu) yang miskin di perkampungan Portugis tetapi juga penutur muda Kristang apabila bertutur sesama sendiri (pengalaman penyelidik sebagai bekas pelajar sekolah Convent dan daripada pergaulan dengan kanak-kanak Kristang). Tetapi kini dengan usaha pemodenan dan perkembangan ekonomi sumber rezeki kaum nelayan terjejas kerana penambakan tanah akibat cadangan pembinaan jalan raya (coastal road) oleh pemaju projek Olimpia Land di sepanjang pantai berhampiran perkampungan Portugis. Walaupun wujudnya rintihan dan laungan dari Panel Regedor dan jawatankuasa nelayan tetapi usaha kerajaan ini nampaknya akan berterusan.

Di samping itu, migrasi penutur Kristang dari perkampungan Portugis untuk mencari rezeki di kota-kota kosmopolitan seperti Kuala Lumpur, Singapura, Ipoh dan kawasan lain-lain di Melaka merengangkan lagi penggunaan variasi kreol ini kerana ia kurang kepentingan ekonomi. Penggunaan variasi kreol ini mula mengecil kerana ia bukan merupakan variasi komunikasi yang digunakan dalam konteks pekerjaan komersial. Penggunaan komersialnya dalam konteks rasmi adalah kurang kerana kelayakan dan bahasa komunikasi yang diperlukan untuk tujuan pekerjaan adalah bahasa Inggeris (status antarabangsa) dan bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia.

Dalam konteks sosial pula, variasi ini menjadi alat penghubung di kalangan komuniti Kristang terutamanya yang berkaitan dengan kebudayaan dan adat resam Kristang seperti semasa meraikan (*pesta San Pedro, Intrudu*, nyanyian dan dansa Kristang seperti *Jingli Nona, Branyo*) dan lain-lain, penutur Serani pasti menggunakan kreol Kristang sesama sendiri. Sekarang ini dengan promosi hangat serta tarikan terhadap industri pelancongan, kerajaan negeri Melaka menggalakkan komuniti Kristang mengadakan persembahan pentas dan pameran yang dapat memaparkan kebudayaan dan tradisi mereka. Ini dapat dibuktikan daripada promosi-promosi tarian, muzik dan makanan Kristang yang diadakan di hotel-hotel terkemuka dalam dan luar negeri Melaka. Persembahan lagu Kristang seperti *Jingli Nona, Mata Kantiga* diadakan untuk menyedarkan masyarakat tempatan serta asing tentang variasi kreol yang wujud di negeri Melaka demi melambangkan identiti unik masyarakat Kristang.

Jelaslah daripada perbincangan di atas penggunaan kreol Kristang kini semakin kecil kerana kepentingannya dari segi ekonomi dan domain intelektual adalah kurang. Variasi ini hanya digunakan sebagai bahasa pertuturan domestik dalam konteks informal oleh kaum minoriti Kristang di Melaka.

### **3.5 Masa depan Kristang**

Daripada kajian dan pemerhatian yang dibuat jelas menunjukkan variasi kreol Kristang sebagai variasi pertuturan yang mempunyai ciri-ciri bahasa Melayu dan bahasa Portugis. Ia menjadi bahasa pertuturan domestik di kalangan masyarakat

minoriti Kristang di Melaka. Tetapi sejak kebelakangan ini, variasi ini semakin kurang digunakan disebabkan faktor-faktor migrasi, iaitu mencari sumber rezeki di kota-kota besar dan perkahwinan campur dengan kumpulan etnik lain seperti Cina, India, Melayu, Inggeris dan lain-lain. Keturunan kacukan ini pula mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu memandangkan ia mempunyai kepentingan ekonomi dan domain intelektual - bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia. Pengaruh bahasa Inggeris (kebudayaan Barat) dan bahasa Melayu (pengantar pendidikan) telah mengambil alih pertuturan harian masyarakat Kristang terutamanya di kalangan penutur muda di Perkampungan Portugis yang mempunyai sikap ‘inferior’ dan berasa malu menggunakan kerana ia dilabel sebagai bahasa ‘geragu’ (shrimp people) (*Sta Maria B, 1982:112*). Kebanyakan perkataan Kristang diganti dengan perkataan bahasa Inggeris dan Melayu melalui fenomena peralihan-kod dalam pertuturan harian mereka. Begitu juga di kalangan ahli keluarga dari golongan status sosio ekonomi yang tinggi serta berpendidikan Inggeris, bahasa Inggeris diberi kepentingan sebagai bahasa berprestij dan digunakan sebagai bahasa pertuturan domestik.

Variasi kreol Kristang yang pada satu masa (sebelum tahun 1940an Perang Dunia 2) (*Sta Maria B, 1982:112*) menjadi bahasa pertuturan dominan di kalangan penutur Kristang di Melaka sehingga digunakan dalam konteks formal seperti penyampaian khutbah di gereja, kelas Kristang oleh rahib di Sekolah Convent (pemerhatian kendiri) dan teks agama Katolik. Pada masa itu Kristang diajar tanpa rujukan buku atau guru-guru, ibu bapa menjadi pembimbing kepada

generasi muda sehingga bahasa itu kekal digunakan. Kini ia hanya dipertuturkan oleh generasi tua Kristang yang semakin kurang bilangannya. Hal ini diperburukkan lagi oleh beberapa domain tradisi masyarakat Kristang yang semakin pupus seperti *Pesta St. John*, adat perkahwinan tradisi Kristang, lagu *nina boboi* dan *stori rainya*. Juga variasi ini hanya digunakan dalam konteks informal dan bukan diwajibkan dalam pendidikan dan media massa maka penggunaannya hanya tersebar di kalangan kumpulan minoriti sahaja.

Namun demikian pada tahun 80 an dan 90 an beberapa usaha dan langkah telah diambil untuk memelihara dan mengekalkan warisan kebudayaan Kristang ini oleh Panel Regedor yang diketuai oleh Michael Young dan Jawantankuasa Lembaga Perkampungan Portugis yang sedar tentang fenomena ini dan cuba mempertahankan penggunaannya sebagai perantara komunikasi di kalangan penutur Kristang untuk melambangkan identiti minoriti mereka yang ada kaitan dengan nilai-nilai sejarah.

Usaha yang dicadangkan ialah mengadakan kelas bimbingan Kristang dan menggalakkan masyarakat Kristang untuk terus menggunakannya dalam pertuturan harian mereka. Bagi mereka yang berminat untuk mempelajari variasi kreol Kristang dicadangkan *Buletin Berita* keluaran bulanan oleh Lembaga Jawantankuasa Komuniti Kristang Perkampungan Portugis diselitkan dengan ruangan pengajaran bahasa Kristang dari tahap permulaan lagi. Di samping itu hasil usahasama kerajaan negeri Melaka dengan panel Regedor menggalakkan promosi kebudayaan Kristang di peringkat negeri dan antarabangsa melalui

persembahan lagu dan dansa Kristang seperti *Branyo* dan *Pesta St Pedro* harus diberi pujian. Juga cadangan dikemukakan untuk meminta bantuan kewangan dan sokongan dari Yayasan Portugal demi memelihara dan mengekalkan warisan Portugis yang unik ini. Perkampungan Portugis dengan cara hidup dan struktur rumah yang melambangkan identiti kaum Kristang perlu dikekalkan dan digazetkan di bawah Akta Pemuliharaan agar migrasi penduduk tidak berlaku. Atas permintaan panel Regedor, komuniti Kristang kini mula diiktiraf sebagai kaum minoriti natif menjadi ahli pemegang saham Amanah Saham Nasional dengan syarat mereka adalah penutur natif Kristang.

Jelaslah usaha-usaha di tahap perlaksanaan atau cadangan ini dapat dijalankan agar warisan komuniti ini dapat dikekalkan dan tidak pupus untuk selama-selamanya.

### **3.6 Keadaan linguistik masa kini di Malaysia**

Memandangkan Malaysia terdiri daripada penduduk pelbagai kaum maka sudah tentulah masyarakat majmuk ini berkomunikasi sesama sendiri menggunakan bahasa ibunda mereka di samping bahasa-bahasa utama lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Tamil, bahasa Mandarin dan dialek-dialek tempatan yang mempunyai kepentingan domain intelektual. Misalnya bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia, masih menjadi lingua franca utama di Melaka, kerana ia menjadi bahasa pertuturan domestik masyarakat Melayu, kaum peranakan Baba-Nyonya dan Chitty-Melaka.

Selaras dengan kewujudan bahasa-bahasa utama ini, terdapat juga variasi kreol dan pidgin yang digunakan oleh sekelompok masyarakat Malaysia untuk tujuan komunikasi seperti Bazaar Melayu, kreol Kristang, Baba-Nyonya, Chitty-Melaka dan lain-lain. Umumnya, variasi kreol tempatan ini walaupun wujud tetapi kurang disedari kepentingannya oleh masyarakat tempatan kerana ia digunakan dalam konteks kasual dan bilangan penuturnya kurang. Oleh yang demikian supaya tidak berlaku pemupusan variasi ini maka langkah-langkah dan usaha (telah dibincangkan di atas) perlu diambil untuk memelihara dan mengekalkan variasi unik ini bagi melambangkan identiti dan warisan kebudayaan kaum minoriti. Seminar anjuran saudari Joan Marbeck (1996) di Melaka merupakan satu usaha yang harus diberi pujian kerana kini sudah ada pihak yang sedar dan memberi pengiktirafan kepada variasi kreol yang mulai renggang penggunaannya.

Adalah diharapkan selaras dengan perkembangan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang berfungsi sebagai bahasa rasmi, bahasa akademik, bahasa antarabangsa, bahasa pentadbiran dan bahasa media, pengiktirafan juga diberi kepada variasi kreol ini dalam konteks formal supaya hayatnya terus berkekalan dan bukan hanya berfungsi sebagai bahasa pertuturan domestik sahaja memandangkan kreol Kristang kaya dengan lagu-lagu tradisional dan moden seperti '*rainya*', teka-teki, simpulan bahasa (idioms) dan peribahasa (proverbs).

## **Kesimpulan**

Nyatalah daripada bukti-bukti yang dikemukakan dalam perbincangan di atas satu scenario sosiolinguistik penutur Kristang dapat dikenal pasti iaitu variasi pertuturan yang digunakan dalam interaksi sosial mereka. Di samping variasi kreol Kristang, penutur Serani yang ‘bilingual’ dan ‘multilingual’ juga menggunakan kombinasi bahasa Inggeris dan Melayu melalui fenomena peralihan-kod disebabkan pengaruh sistem pendidikan, pengaruh barat dan faktor pergaulan. Perbincangan juga ditumpukan kepada kewujudan variasi kreol peranakan seperti Baba-Melayu dan Chitty-Melaka untuk tujuan perbandingan. Akhir sekali untuk memupuk kesedaran dan memelihara kebudayaan unik ini agar tidak pupus, perbincangan difokuskan kepada hayat dan masa depan Kristang serta gambaran ringkas keadaan linguistik di Malaysia kini.